

9 MAC 2018

Amuk tak makan nasihat ibu bapa



ANTARA individu yang ditahan dalam Op Cegah, semalam.

Hulu Langat

Amuk tak makan nasihat ibu bapa

Mengamuk dan melepaskan kata-kata kesat terhadap ibu bapa selepas dinasihati berhenti menagih dadah.

Itu tindakan biadab lelaki berusia 36 tahun yang baru dibebaskan dari tahanan reman atas kesalahan dadah Isnin lalu.

Lelaki terbabit bagaimanapun sekali lagi ditahan sepasukan anggota penguat kuasa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Cawangan Hulu Langat yang menjalankan Operasi Cegah (Op Cegah) di sekitar daerah ini malam kelmarin hingga pagi semalam.

Penagih terbabit antara

lapan individu ditahan kerana menagih pelbagai jenis dadah.

Ketua Pegawai AADK Daerah Hulu Langat Muhammad Ramlan Syed Ahamed berkata, operasi itu dijalankan di empat lokasi melibatkan Semenyih, Bandar Baru Bangi, Cheras dan Kajang, di sini.

“Dalam operasi itu, kami menahan lelaki yang baru mengamuk selepas dinasihati ibu bapanya.

“Malah lelaki itu mengaku dia mengambil dadah semula kerana tertekan sebelum pergi ke rumah rakannya untuk melepaskan gian,” katanya semalam.